

## PUBLIC e-EMAS GOLD FUND (PUBLIC DANA e-EMAS GOLD) (PeEMAS)

### PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Helaian Penting Produk ini telah diteliti dan diluluskan oleh pengarah-pengarah Public Mutual Berhad dan mereka secara bersama dan berasingan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang ketinggalan yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Helaian Penting Produk ini palsu atau mengelirukan.

### PENYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan PeEMAS dan satu salinan Helaian Penting Produk ini telah diserah simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran yang diberikan untuk PeEMAS dan penyerahan simpanan Helaian Penting Produk ini, tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan PeEMAS, atau bertanggungjawab untuk ketepatan kenyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Helaian Penting Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketakdedahan bagi pihak Public Mutual Berhad, yang bertanggungjawab untuk PeEMAS dan tidak mengambil tanggungjawab ke atas kandungan Helaian Penting Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan ketepatan atau kesempurnaan Helaian Penting Produk ini, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti yang terbit daripada atau bersandarkan kepada seluruh atau mana-mana bahagian kandungannya.

*Helaian Penting Produk ini adalah terjemahan daripada versi Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan kandungan, Helaian Penting Produk versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.*

### HELAIAN PENTING PRODUK

**Helaian Penting Produk (PHS) ini hanya memaparkan ciri-ciri utama dan risiko dana amanah saham ini. Pelabur adalah dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami prospektus dana sebelum membuat keputusan untuk melabur.**

### MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

Apakah produk ini?

|                               |   |
|-------------------------------|---|
| Jenis produk                  | Dana amanah saham   |
| Modal dilindungi atau dijamin | Tidak   |
| Pengurus dana                 | Public Mutual Berhad  |
| Pemegang amanah dana          | AmanahRaya Trustees Berhad  |
| Pengedara dana                | Perunding skim amanah saham Public Mutual Berhad dan Penasihat Skim Amanah Saham Institusi (IUTA), iaitu Public Bank Berhad |

### CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

Apakah yang saya melabur?

|               |  |   |
|---------------|--|---|
| Kategori dana | Dana untuk dana  |   |
| Objektif dana | Untuk menyediakan pendedahan kepada prestasi harga jongkong emas.                          |   |
| Alokasi aset  | Dana Dagangan Bursa (ETF) emas   | Sekurang-kurangnya 90% daripada nilai aset bersih (NAB) |
|               | Baki NAB dana akan dilaburkan dalam aset cair termasuk instrumen pasaran wang dan deposit. |   |
|               | Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya dalam 5 ETF emas.                                 |   |
|               | Aset asing   | Sekurang-kurangnya 90% daripada NAB dana                |

**Apakah yang saya melabur? (samb')**

|                    |  |
|--------------------|--|
| <b>Lokasi aset</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amerika Syarikat</li> <li>• United Kingdom</li> <li>• Jerman</li> <li>• Perancis</li> <li>• Belanda</li> <li>• Mana-mana pasaran lain yang dibenarkan di mana pihak berkuasa berperaturan merupakan ahli biasa atau ahli bersekutu International Organization of Securities Commissions.</li> <li>• Switzerland</li> <li>• Australia</li> <li>• Hong Kong</li> <li>• Malaysia</li> <li>• Singapura</li> </ul> |
|--------------------|--|

**KESESUAIAN PRODUK****Siapakah yang sesuai untuk dana ini?**

|                       |   |
|-----------------------|---|
| <b>Profil pelabur</b> | Dana ini sesuai untuk pelabur yang ingin melabur dalam dana yang mencerminkan prestasi harga jongkong emas. |
|-----------------------|---|

**RISIKO-RISIKO UTAMA****Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?**

|                         |  |
|-------------------------|--|
| <b>Risiko pasaran</b>   | Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan pelaburan akan kehilangan nilai akibat penggerakkan umum/kemudahan dalam pasaran kewangan dan/ atau komoditi, yang disebabkan oleh keadaan ekonomi, politik dan/atau faktor-faktor lain. Harga emas boleh berubah sebagai tindak balas kepada keadaan yang mempengaruhi pasaran emas, yang akan menyebabkan penurunan dalam NAB dana dan unit harga.                                   |
| <b>Risiko kecairan</b>  | Risiko kecairan merujuk kepada kemudahan untuk mencairkan aset bergantung kepada jumlah aset yang diniagakan di pasaran. Jika dana melabur dalam aset yang tidak cair atau yang sukar untuk dilupuskan, nilai dana akan menerima kesan negatif apabila aset tersebut terpaksa dijual pada harga yang kurang memuaskan.   |
| <b>Risiko mata wang</b> | Jika dana melabur dalam aset yang diukur dalam mata wang asing, dana mungkin akan terdedah kepada risiko turun naik mata wang. Jika nilai mata wang di mana pelaburan didenominasi menyusut berbanding dengan mata wang tempatan, NAB dana boleh terjejas begitu juga sebaliknya.  |
| <b>Risiko negara</b>    | Pelaburan dana di sesebuah negara mungkin akan terjejas oleh perubahan keadaan ekonomi dan politik, sekatan penghantaran balik mata wang atau perkembangan lain dalam undang-undang atau peraturan negara di mana dana melabur. Sebagai contoh, keadaan ekonomi sesebuah negara yang merosot boleh memudaratkan nilai pelaburan dana di negara-negara tersebut. Ini seterusnya boleh menyebabkan NAB dana atau harga unit jatuh. |
| <b>Risiko penumpuan</b> | Oleh kerana dana hanya melabur dalam ETF emas yang menjelaki prestasi harga jongkong emas, penggerakkan NAB dana akan sejajar dengan penggerakkan harga jongkong emas. Sebarang penggerakkan berlawanan harga emas boleh menjelaskan NAB dan harga unit dana.  |

**Anda dinasihatkan untuk membaca prospektus dana dan memahami risiko yang terlibat dan, jika perlu, berunding dengan penasihat profesional anda sebelum melabur.**

**YURAN & CAJ****Apakah yuran dan caj yang terlibat?**

|                      |  |
|----------------------|--|
| <b>Caj jualan</b>    | Sehingga 1.0% daripada NAB seunit.<br><i>Pengurus boleh mengikut budi bicaranya untuk mengenakan caj jualan yang lebih rendah.</i> |
| <b>Caj penebusan</b> | Tiada  |

**Apakah yuran dan caj yang terlibat? (samb')**

|                              |   |
|------------------------------|---|
| <b>Caj tukar ganti</b>       | Tiada. Tukar ganti tidak dibenarkan.  |
| <b>Caj pemindahan</b>        | Sehingga RM50 setiap pemindahan.  |
| <b>Caj pengurusan</b>        | 0.85% setahun daripada NAB.   |
| <b>Yuran pemegang amanah</b> | 0.03% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum sebanyak RM12,000 dan yuran maksimum sebanyak RM600,000 setahun. |

*Nota: Yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan (jika ada) yang perlu dibayar oleh anda.*

**Terdapat yuran dan caj yang terbabit dan anda dinasihatkan mempertimbangkannya sebelum membuat pelaburan dalam dana.**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****Penilaian**

NAB dana ini dikira dan harga unit disiarkan pada setiap hari urus niaga di [www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my).

**Pembelian dan penebusan unit**

Anda boleh membeli dan menebus unit dana pada mana-mana hari urus niaga pada NAB dana yang ditentukan seterusnya.

Pelaburan permulaan

- Pelaburan permulaan minimum\*: RM100.
- Untuk membuka akaun, anda perlu menjadi pelanggan Public Mutual Online (PMO).
- Sekiranya anda bukan pelanggan PMO, anda juga boleh mendaftar untuk menjadi pelanggan PMO secara dalam talian di laman web kami atau melalui kios Pintar kami yang terletak di cawangan kami atau di Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di Pusat Membeli-belah 1 Utama.
- Sekiranya anda berhenti menjadi pelanggan PMO, Pengurus boleh menebus keseluruhan akaun dana anda.
- Untuk pelaburan kali pertama Public Mutual Berhad, anda dikehendaki mengisi borang pelabur baharu.

Pelaburan tambahan

- Pelaburan tambahan minimum\*: RM100.
- Anda boleh melabur secara berkala melalui PMO, arahan debit terus kepada bank atau dengan membuat deposit cek ke dalam akaun kutipan yang terdapat di Public Bank Berhad.

*Nota: \* Pengurus boleh mengubah jumlah minimum pelaburan permulaan dan tambahan dari masa ke semasa.*



| <b>Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek</b> |   |
|---|---|
| <b>Pelabur Individu</b>                 | Cek mestilah dibayar kepada:  |
| <b>Pelaburan Permulaan</b>              | <b>"Public Mutual Berhad - Nombor Kad Pengenalan Baharu Pemegang Pertama".</b>  |
| <b>Pelaburan Tambahan</b>               | <b>"Public Mutual Berhad - Nombor Akaun Dana yang Disasarkan"</b><br>atau<br><b>"Public Mutual Berhad - Nombor Kad Pengenalan Baharu Pemegang Pertama".</b> |

### Pembelian dan penebusan unit (samb')

Bagi pelabur korporat, cek bagi pelaburan permulaan mestilah dibayar kepada "**Public Mutual Berhad - Nombor Pendaftaran Syarikat Anda**". Cek bagi pelaburan tambahan mestilah dibayar kepada "**Public Mutual Berhad - Nombor Akaun Dana yang Disasarkan atau Nombor Pendaftaran Syarikat Anda**".

Sila tulis nama, nombor kad pengenalan baharu/nombor pasport/nombor pendaftaran syarikat dan nombor telefon anda di belakang cek.

#### Hak bertenang

- Hanya untuk pelabur kali pertama Public Mutual Berhad.
- Permintaan anda mesti dihantar sama ada kepada pejabat cawangan Public Mutual Berhad atau Public Bank Berhad atau Ibu Pejabat Public Mutual Berhad dalam tempoh 6 hari urus niaga dari tarikh borang permohonan pelaburan dan bayaran diterima oleh Public Mutual Berhad.
- Bayaran balik penuh akan dibayar dalam tempoh 10 hari dari tarikh perlaksanaan hak ini.
- Bayaran balik bagi setiap unit yang dipegang adalah jumlah harga unit pada hari unit dibeli dan caj jualan (dan sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan, jika ada) yang dikenakan pada hari unit dibeli.
- Perbadanan atau institusi, kakitangan Pengurus dan sesiapa yang berdaftar untuk berurus niaga dalam dana amanah saham tidak layak untuk hak bertenang ini.

#### Penebusan

- Unit penebusan minimum: 100 unit.
- **Sekiranya anda melaksanakan permintaan penebusan anda menggunakan PMO dan memberikan kami butiran akaun bank anda, hasil penebusan anda akan dibayar dalam masa 4 hari urus niaga dari tarikh penerimaan penebusan (tertakluk kepada pelepasan bank).** Jika sebaliknya, hasil penebusan anda akan dibayar dalam tempoh 10 hari dari tarikh penerimaan permintaan anda.
- Jika penebusan separa menyebabkan baki di dalam akaun anda kurang daripada 100 unit, Pengurus boleh menebus keseluruhan akaun.

#### e-Penyata dan e-Laporan

Semua penyata transaksi, penyata pelaburan tahunan dan interim termasuk penyata agihan dan laporan akan disediakan kepada anda melalui PMO. **Tiada salinan penyata dan laporan bercetak akan dihantar kepada anda.**

### ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN



**PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN.**

Public Mutual Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding skim amanah saham atau kakitangan kami.



BNM/15/12-2020

**ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.**

**ANDA DILARANG MEMBUAT DEPOSIT ATAU PINDAHAN KE AKAUN BANK PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.**



**ANDA DILARANG MENGELOUARKAN CEK DI ATAS NAMA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.**

### APA YANG ANDA PERLU TAHU

Dana ini bukan dana jaminan modal atau lindungan modal.

Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin turun atau naik.

Prestasi dana pada masa lalu tidak menjadi petunjuk untuk prestasi masa hadapan.

Apabila pecahan unit atau agihan diisyiharkan, berikutnya terbitan pecahan unit dan/atau agihan, NAB seunit akan berkurangan dengan sewajarnya bagi mencerminkan/mengambil kira pecahan unit dan/atau agihan tersebut.

Apabila pecahan unit diisyiharkan, nilai pelaburan dalam sebutan Ringgit Malaysia tidak akan berubah selepas pengagihan unit tambahan.

**MAKLUMAT HUBUNGAN****Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut mengenai dana?**

Untuk maklumat berkaitan dana, anda boleh berunding/menghubungi:

- Perunding skim amanah saham atau wakil korporat Public Bank Berhad yang berdaftar dengan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM);
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual Berhad di 03-2022 5000;
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Bank Berhad di 1-800-22-9999; atau
- E-mel kami di [customer@publicmutual.com.my](mailto:customer@publicmutual.com.my).

**Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan?**

1. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2022 5000 atau 1-800-22-9999.
2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC):
 

|                            |  |
|----------------------------|--|
| (a) melalui telefon kepada | : 03-2282 2280   |
| (b) melalui faks kepada    | : 03-2282 3855   |
| (c) melalui e-mel kepada   | : <a href="mailto:info@sidrec.com.my">info@sidrec.com.my</a>   |
| (d) melalui surat kepada   | : Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC)<br>Unit A-9-1, Level 9, Tower A<br>Menara UOA Bangsar<br>No. 5, Jalan Bangsar Utama 1<br>59000 Kuala Lumpur |
3. Anda juga boleh membuat aduan terus kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC. Untuk membuat aduan, sila hubungi Pejabat Pengguna & Pelabur SC:
 

|   |  |
|---|--|
| (a) melalui telefon kepada Aduan Hotline di   | : 03-6204 8999   |
| (b) melalui faks kepada   | : 03-6204 8991   |
| (c) melalui e-mel kepada  | : <a href="mailto:aduan@seccom.com.my">aduan@seccom.com.my</a>   |
| (d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di <a href="http://www.sc.com.my">www.sc.com.my</a> |  |
| (e) melalui surat kepada  | : Pejabat Pengguna & Pelabur<br>Suruhanjaya Sekuriti Malaysia<br>No. 3, Persiaran Bukit Kiara<br>Bukit Kiara<br>50490 Kuala Lumpur |
4. Biro Aduan FIMM:
 

|   |  |
|---|--|
| (a) melalui telefon kepada  | : 03-2092 3800   |
| (b) melalui faks kepada   | : 03-2093 2700   |
| (c) melalui e-mel kepada  | : <a href="mailto:complaints@fimm.com.my">complaints@fimm.com.my</a>   |
| (d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di <a href="http://www.fimm.com.my">www.fimm.com.my</a> |  |
| (e) melalui surat kepada  | : Legal, Secretarial & Regulatory Affairs<br>Federation of Investment Managers Malaysia<br>19-06-01, 6 <sup>th</sup> Floor Wisma Tune<br>No. 19 Lorong Dungun<br>Damansara Heights<br>50490 Kuala Lumpur |

*PHS ini akan dikemaskini pada 30 Ogos 2022. Anda boleh merujuk kepada laman web kami di [www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my) untuk PHS yang telah dikemaskini.*